



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
- Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

KENYATAAN MEDIA

OLEH YB MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN MENGENAI LAMBAKAN SAMPAH DI LEBUHRAYA MRR2 DI LUAR STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL TAMAN BERINGIN, JINJANG KUALA LUMPUR

Saya memandang serius tindakan pemandu lori yang membuang sisa pepejal di sepanjang jalan di MRR2 dan akan menyiasat dan mengambil tindakan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Perbuatan mereka jelas telah melanggar Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) serta menjejaskan perjalanan kenderaan di MRR2 dan imej Kuala Lumpur.

Saya ingin maklumkan bahawa KPKT telah mengambil tindakan segera termasuk oleh semua pihak bertanggungjawab iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) & DBKL dengan meminta bantuan dari Alam Flora bagi menjalankan kerja kerja pembersihan.

Alam Flora telah memulakan kerja kerja pembersihan seawal 9.00 pagi tadi dengan menggunakan jentera mereka iaitu 3 shovel, 2 back hoe, 6 open tipper lori, 2 excavator dan seramai 30 orang pekerja. Sehingga 5.00 petang tadi isu ini telah pun ditangani dan diselesaikan.

Langkah sementara telah diambil untuk menghantar sampah terus ke tapak pelupusan di Bukit Tagar kerana pihak DBKL telah mengarahkan stesen pemindahan di Taman Beringin ditutup buat sementara waktu kerana operator

sedia ada telah gagal menjalankan tugas mereka dengan sempurna hingga menyebabkan sisa pepejal tidak dapat dihantar ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin.

Sekian